

**KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PENGURUSAN HARTANAH**

**PENGURUSAN TAMAN REKREASI
KES KAJIAN : TAMAN TASIK TITIWANGSA,
KUALA LUMPUR.**

**Satu projek yang disediakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan
Diploma Lanjutan Pengurusan Hartanah**

DISEDIAKAN OLEH : FADZILAH BTE AHMAD

MEI/1996

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRAHMANNIRRAHIM ...

Bersyukur saya kehadiran Allah s.w.t kerana dengan hidayah dan pertolonganNya , dapat juga akhirnya penulisan Projek Tahun Akhir ini ditamatkan walaupun terdapat beberapa kesusahan dan kepayahan yang perlu diharungi.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ucapan terima kasih kepada Puan Fadilah bte Mohd. Taufek selaku penyelia yang banyak memberikan tunjuk ajar, pandangan dan nasihat yang amat berguna kepada saya di sepanjang tempoh penyiapan Projek Tahun Akhir ini.

Tidak lupa juga, ucapan terima kasih ditujukan kepada semua pensyarah Jabatan Pengurusan Hartanah dan kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur khususnya kakitangan Jabatan Pengurusan dan Penyelenggaraan Taman Rekreasi di atas segala bentuk pertolongan, maklumat dan kerja sama yang diberikan sehingga terhasilnya sebuah Projek Tahun Akhir yang amat diperlukan ini.

Akhir kata penutup bicara, kepada semua yang terlibat di dalam proses penyiapan Projek Tahun Akhir ini, saya rakamkan ucapan ribuan terima kasih. Jasa baik anda semua akan saya ingati dan hanya Allah s.w.t. sahaja yang dapat membalasnya.

Sekian, terima kasih.

- Fadzilah bte Ahmad -
Diploma Lanjutan Pengurusan Hartanah,
ITM, Shah Alam, Selangor.*

SINOPSIS

Pengurusan adalah merupakan salah satu aspek yang perlu dijalankan ke atas setiap jenis harta. Ianya termasuklah harta yang berjenis perniagaan, perumahan, perdagangan, kawasan awam dan sebagainya.

Di dalam penulisan Projek Tahun Akhir ini, aspek pengurusan ke atas harta yang digunakan untuk tujuan rekreasi telah dipilih. Pemilihan ini adalah bertujuan untuk mengetahui bagaimanakah sistem pengurusan dijalankan ke atas harta yang digunakan untuk tujuan awam atau orang ramai sebagai kawasan istirehat atau kawasan riadah.

Selain dari itu, pemilihan ke atas kawasan rekreasi ini juga bertujuan untuk mengetahui bagaimana kerja-kerja pengurusan dijalankan ke atas harta yang bukan bertujuan untuk memaksimumkan keuntungan tetapi untuk memberikan keselesaan serta menyediakan kemudahan kepada orang awam. Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa pemilihan taman rekreasi di dalam penulisan Projek Tahun Akhir ini adalah untuk melihat bagaimana kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan dijalankan ke atas harta yang bukan bertujuan untuk mendapatkan

keuntungan tetapi untuk tujuan memberikan keselesaan kepada pengguna.

Penulisan Projek Tahun Akhir ini juga memerlukan suatu kes kajian bagi mengkhususkan pengkajian dijalankan. Bagi taman rekreasi kes kajian yang dipilih adalah Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur . Taman Tasik Titiwangsa ini telah dipilih kerana ianya merupakan salah satu taman rekreasi yang telah diwujudkan sejak dari dahulu lagi dan ianya juga kekal hingga ke hari ini serta menjadi tumpuan masyarakat di sekitar Kuala Lumpur.

Selain dari itu, Taman Tasik Titiwangsa ini dipilih kerana ianya merupakan salah satu dari taman rekreasi yang bukannya bertujuan untuk memaksimumkan keuntungan tetapi ianya digunakan sebagai kawasan rehat untuk semua lapisan masyarakat dari kanak-kanak hinggalah kepada golongan tua.

OBJEKTIF

Pemilihan Projek Tahun Akhir yang bertajuk “Pengurusan Taman Rekreasi” adalah bertujuan :-

- i) Menenalpasti sistem pengurusan yang dijalankan ke atas taman rekreasi iaitu satu kawasan yang digunakan untuk tujuan awam.
- ii) Mengkaji penggunaan tenaga buruh yang digunakan untuk menjalankan kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan Taman Tasik Titiwangsa ini.
- iii) Meneliti keberkesanan ke atas pengurusan yang sedia ada.
- iv) Menenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan harta di dalam menjalankan tugas-tugas hariannya.
- v) Mencadangkan cara yang terbaik bagi mengatasi dan mengurangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan.